AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : COVID-19

HARTALEGA BERI PENGESAHAN

# 35 pekerja kena Covid-19

**Kuala Lumpur**

Hartalega Holdings Bhd mengesahkan 35 pekerjanya positif Covid-19 membabitkan 20 kakitangan di kilang Bestari Jaya, Selangor dan 15 pekerja di Kompleks Pembuatan Sarung Tangan Bersepadu Generasi Akan Datang (NGC) di Sepang.

Dalam satu kenyataan semalam, pihak syarikat menjelaskan pekerja yang terjejas sedang menerima rawatan perubatan di kemudahan kesihatan kerajaan, manakala semua kontak rapat dalam tempoh 14 hari terakhir sudah dikenal pasti dan dikuarantin serta akan menjalani ujian selanjutnya sebelum dibenarkan kembali bekerja.

"Sehubungan dengan itu, beberapa talian pengeluaran dihentikan sementara, dengan kerugian kapasiti dianggarkan kurang 0.5 peratus daripada pengeluaran tahunan," katanya.

Selain itu, menurut Hartalega pembasmian kuman secara menyeluruh dilakukan di kawasan individu terbabit berada oleh penyedia profesional.

Kumpulan berkenaan berkata, ujian Covid-19 dilakukan terhadap seramai 8,772 kakitangan termasuk vendor luar seperti kakitangan keselamatan dan operator kantin pada 7 Disember dan selesai pada tarikh 10 Disember selaras dengan arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) supaya semua pekerja asing menjalani ujian. - Bernama

# JKNJ arah B5 Johor Street Market ditutup tujuh hari

**Johor Bahru:** Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) mengarahkan pusat perniagaan B5 Johor Street Market, Tampoi ditutup tujuh hari bermula kelmarin susulan kes jangkitan wabak Covid-19 di premis berkenaan.

Pengarah Kesihatan Johor, Datuk Dr Aman Rabu berkata, ia bagi membolehkan proses nyah cemar dan sanitasi menyeluruh dilakukan di premis berkenaan.

"JKNJ sudah mengeluarkan notis penutupan sementara terhadap B5 Johor Street Market mulai 13 Disember hingga 19 Disember ini," katanya ketika dihubungi.

*"JKNJ sudah mengeluarkan notis penutupan sementara terhadap B5 Johor Street Market mulai 13 Disember hingga 19 Disember ini"*

**Dr Aman Rabu**

Terdahulu notis penutupan pusat perniagaan itu tular media sosial sehingga menyebabkan penduduk sekitar resah.

B5 Johor Street Market terletak berhadapan Angsana Johor Bahru Mall adalah pusat perniagaan baharu yang menawarkan pelbagai produk termasuk kraftangan, pakaian dan makanan yang turut diisi aktiviti kesenian.

Pada 7 Disember lalu, JKNJ turut mengeluarkan notis penutupam sementara Angsana Johor Bahru Mall sehingga semalam berikutan penularan wabak Covid-19 di premis berkenaan.

Sementara itu, B5 Johor Street Market dalam kenyataan di laman Facebooknya memaklumkan pusat perniagaan berkenaan akan hanya dibuka seperti biasa pada 20 Disember, selepas proses sanitasi dan nyah cemar.

## Bergambar bersama adiwira



**DUA** kanak-kanak yang memakai pelitup muka bergambar dengan patung adiwira Spiderman yang turut berpelitup muka di sebuah pusat beli-belah di ibu kota, semalam. - Gambar FATHIL ASRI




KANAK-KANAK mengunjungi taman awam untuk beriadah bersama keluarga ketika tinjauan di Kompleks Sukan Air Antarabangsa Labuan, semalam. Masyarakat diingatkan agar menjalani kehidupan harian dengan membudayakan norma baharu seperti memakai pelitup muka sebagai langkah pencegahan penularan Covid-19.

# Catat 1,371 kes baru, 4 kematian

**Kuala Lumpur:** Jangkitan Covid-19 dalam negara mencatatkan 1,371 kes baharu dan empat kematian baharu semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 meningkat kepada 84,846 kes dengan kebolehjangkitan pula sebanyak 13,830 kes.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan bilangan kes sembuh Covid-19 sebanyak 1,204 kes sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 70,597 kes.

"Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat satu kes import mendapat jangkitan dari luar negara, manakala penularan dalam negara pula adalah 1,370 kes.

*"Selangor masih melaporkan kes harian tertinggi iaitu 532 kes di mana 344 kes adalah daripada kluster sedia ada"*

**Dr Noor Hisham**

"Selangor masih melaporkan kes harian tertinggi iaitu 532 kes di mana 344 kes adalah daripada kluster sedia ada.

"Ia diikuti oleh Sabah sebanyak 283 kes dan Negeri Sembilan sebanyak 260 kes," katanya pada sidang media Covid-19 di sini, semalam.

Menurutnya, jumlah kumulatif kes kematian pula sebanyak 419 kes dengan empat kematian yang dilaporkan semalam.

"Sehingga kini, terdapat 114 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana 62 kes memerlukan bantuan pernafasan," katanya.